TOYOTA CAPITAL SERVICES

**PRODUCT DISCLOSURE SHEET – AL IJARAH THUMMA AL BAI (AITAB)**
**(Please read this Product Disclosure Sheet before you decide to take up the AITAB Facility)**

## 1. Customer's Acknowledgement

I hereby confirm that I have read and understood the contents of this Product Disclosure Sheet.
Any duly executed agreement is final and any amendment is subject to mutual agreement by parties.

Signature: ………………………………………………
Name:
NRIC No./ Company No.:

## 2. What is this product about?

**(a) AITAB**

The facility is given to you to part finance the purchase of a motor vehicle. Upon approval of the facility, an AITAB Agreement shall be entered between you as the Hirer and Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd (Toyota Capital Malaysia) as the Owner of the motor vehicle.
The profit rate for the AITAB facility is calculated based on fixed rate over the tenure of the facility.
The tenure of the facility shall be up to a maximum period of 9 years only.

**OR**

**(b) TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB**

The facility is given to you to part finance the purchase of a motor vehicle with a multi-tiered payment plan, starting with a lower monthly payment and gradually increasing throughout the tenure.
Upon approval of the facility, a TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB Agreement shall be entered between you as the Hirer and Toyota Capital Malaysia as the Owner of the motor vehicle.
The profit rate for the TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB facility is calculated based on fixed rate over the tenure of the facility.
The tenure of the facility shall be up to a maximum period of 9 years only.

**OR**

**(c) TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB**

The facility is given to you to part finance the purchase of a motor vehicle starting with a lower monthly payment and a lumpsum payment at the final month of the loan term. There are several options for the last payment:
Option 1: Pay the final payment and own the car.
Option 2: Trade-in and enjoy driving a new car (subject to car condition and market value at the time to trade in).
Option 3: Pay extra monthly payment to reduce the final payment.
Option 4: Contact us to understand more about TCAPM Repayment Assistance Program.
Upon approval of the facility, a TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB Agreement shall be entered between you as the Hirer and Toyota Capital Malaysia as the Owner of the motor vehicle.
The profit rate for the TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility is calculated based on fixed rate over the tenure of the facility. The tenure of the facility shall be up to a maximum period of 7 years only.

## 3. What is the Shariah contract applicable?

The applicable Shariah contract is Al-Ijarah Thumma Al-Bai' (AITAB). AITAB is a leasing contract (Ijarah) followed by sale contract (al Bai'). Under the leasing contract the customer leases the asset from Toyota Capital Malaysia at an agreed rental payment over a specific period. Upon expiry of the leasing period, the customer enters into a sale contract to purchase the asset from Toyota Capital Malaysia at an agreed price.

## 4. What do I get from this product?

(a) Amount financed: RM……………………….
(b) Tenure (repayment period): …………….months
(c) Rental Rate: -
Profit Rate …………………% per annum
Annual Percentage Rate …………………..per annum

## 5. What are my obligations?

(a) Amount of each rental payment …………………. and a final rental payment of RM ………………….
(b) The total amount payable is RM ………………….

As hirer, you have the obligation to pay the monthly rental payments on time, inform Toyota Capital Malaysia (owner) of any changes in your address & to continue to ensure that the vehicle financed is adequately insured.

CONFIDENTIAL

### 6. What are the fees and charges I have to pay?

*(please scan the QR code to view the fees and charges)*

### 7. What if I fail to fulfil my obligations?

(a) Profit on any overdue rental payments at 8% per annum (in the case of profit rate term charges) will be charged on the amount in arrears. Such profit will be calculated on a daily basis from the due date until one day prior to the actual payment date, on any overdue monies payable by the Hirer and charged to the Hirer's account monthly.

(b) Toyota Capital Malaysia will exercise the right to repossess the vehicle financed if you fail to pay two monthly instalments successively. Please refer to repossession process (item 10) for more details.
All expenses incurred during the repossession exercise will be charged to your AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB Account.
Toyota Capital Malaysia will dispose of the vehicle upon expiry of the period provided in the Fifth Schedule Notice (Notice to Hirer under Section 16 of the Hire Purchase Act 1967) under the AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB agreement, and use the proceeds of such disposal to recover all outstanding amounts if no redemption is made within the stipulated timeframe.

(c) You will bear any loss after such disposal of the vehicle. Legal action may be taken against you to recover the amount outstanding under the loan. This will affect your credit standing.

(d) Toyota Capital Malaysia has the right to set off any credit balance in your account maintained with Toyota Capital Malaysia against any outstanding balance in this account upon giving seven (7) calendar days prior notice to you.

### 8. Do I need any takaful coverage?

You are required to take up a comprehensive takaful coverage on the vehicle financed under the AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB financing, and maintain such takaful for the entire tenure of the hire purchase. If you have a valid takaful but an expired road tax, the insurer may disqualify you and your vehicle from getting coverage or protection / compensation caused by car accidents.

### 9. How could I pay my monthly rental payments?

For your convenience, you are advised to pay your monthly rental payments through any of the following modes: -
FPX payment channels via EZ Connect App, JomPAY (able to set a recurring payment schedule), Maybank2U (M2U), CIMB Clicks and BSN. However, you may also pay at any Toyota Capital Malaysia branches.

### 10. How does repossession take place?

(a) Repossession will take place when there is: -
  - i. Two successive defaults of monthly rental payment, OR
  - ii. Failure to pay final monthly rental payment, OR
  - iii. Four successive defaults of monthly rental payment by next of kin if the hirer is deceased.

(b) Repossession Procedures
  - i. Toyota Capital Malaysia will issue a Notice of Intention to Repossess (pursuant to Section 16 (1) of the HP Act. This notice is commonly referred to as the 4th Schedule Notice) giving you as the hirer 21 days to make good the monthly rental payment in arrears.
  - ii. If no payment is made within 14 days after the issuance of the 4th Schedule, a notice pursuant to Rule 15 of the Hire Purchase (Application of Permit and Procedure of Repossession) Regulations 2011 will be issued, informing you of the intention of Toyota Capital Malaysia as the owner to take possession of the vehicle upon expiry of the 4th Schedule.
  - iii. Upon expiry of grace period, Toyota Capital Malaysia may initiate repossession by issuing Repossession Order to authorised Repossessors to take possession of the vehicle.

However, for cases where the total monthly rental payments paid exceed 75% of the original cash price, Toyota Capital Malaysia will obtain a Court Order and thereafter proceed with b) (i), (ii) and (iii) as above.

(c) Repossessor's Action
  - i. Authorised Repossessor who is holder of permit issued by the Ministry of Domestic Trade and Cost of Living will carry out repossession of the motor vehicle, equipped with the following: -
    1) Repossession Order issued by Toyota Capital Malaysia
    2) Court Order (if applicable) for repossession

CONFIDENTIAL

ii. In carrying out the repossession, the Repossessor must make available for inspection and verification the above documents, together with his Identification Card and Permit.

iii. The Repossessor must adhere to the guidelines and code of ethics as issued by the authorities, including those set up by the Association of Hire Purchase Companies Malaysia (AHPCM).

**11. What are the options available to me after repossession?**

Upon repossession, Toyota Capital Malaysia will issue a 5th Schedule notice giving you 21 days to do one of the following: -

(a) Pay all outstanding arrears and incidental expenses incurred by the Toyota Capital Malaysia to make good the repossession of the vehicle or goods (including repossessor's fees, towage, storage, etc.), OR

(b) Repay in full the entire balance outstanding for the account, including incidental expenses incurred by Toyota Capital Malaysia (as above), OR

(c) Introduce a buyer to purchase the vehicle or goods at the price indicated on the notice.

**12. What if I fail to meet the 21-day deadline on the 5th Schedule?**

Toyota Capital Malaysia may sell/dispose the vehicle either by public auction or private sale in order to recover the amount owing under the AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB Agreement. The proceeds from the sale will be used to pay the balance outstanding under the Agreement. However, you will continue to be responsible for any amount still outstanding if the sale proceeds are insufficient to settle the amount in full. On the other hand, if there is any surplus amount after full settlement, this will be refunded to you.

**13. What if I fully settle the loan before its maturity?**

You will be entitled to a rebate on the profit unearned by Toyota Capital Malaysia for early settlement. The rebate is a partial refund of the term charges (profit) calculated according to a formula stipulated in the HP Act.
For example, if you wish to fully settle your loan after paying 48 monthly rental payments, you will get a rebate on the term charges for the remaining 12 months (i.e., 60 – 48 months = 12 months). Example of calculation of rebate is as follows: -

Loan Amount = RM50,000 at 3.0% p.a. for 5 years, Total term charges = RM7,500

$$\text{Rebate on profit} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\ldots n)}{(1+2+3+\ldots k)}$$

Where: n = remaining repayment period (in months), i.e. 12 months
k = original repayment period (in months), i.e. 60 months

$$\text{So, rebate on (profit)} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\ldots+12)}{(1+2+3+\ldots 60)} = \frac{\text{RM7,500} \times 78}{1830} = \text{RM319.67}$$

**14. What do I need to do if there are changes to my contact details?**

It is important that you inform us (a written notice and email to cs@toyotacapital.com.my) of any changes in your contact details to ensure that all correspondence reach you in a timely manner.

**15. Where can I get further information?**

Should you require additional information about taking a AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility, please refer to our website at https://www.toyotacapital.com.my or please contact us at: -
(Head Office) Petaling Jaya
Lot 20.01, Level 20, Plaza IBM, First Avenue, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor. Customer Experience: +603 2727 8880;
Fax: +603 7962 6076； Email: cs@toyotacapital.com.my

**FREQUENTLY ASKED QUESTIONS**

1. How much financing can I borrow from Toyota Capital Malaysia?
The margin of financing will depend on your credit standing subject to a maximum of 90% of purchase price or any other lower margin of financing fixed by Toyota Capital Malaysia.

2. What are the rental rate for AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility?
The maximum rental rate for AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility under profit rate financing is 10% flat per annum.

3. Do I require a guarantor for my AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility?
The need for a guarantor depends on the credit assessment made by Toyota Capital Malaysia.

4. What should I do if the guarantor or I did not get a copy of the AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB agreement 14 days after entering into the agreement?
You should contact the Toyota Capital Malaysia's branch which originated your loan (home branch) to get a copy of the agreement.

5. Can Toyota Capital Malaysia insist that I insure with a takaful company on its panel?

CONFIDENTIAL

When you purchase a car under a Toyota Capital Malaysia automotive financing plan, you will also be able to work out your takaful scheme at the same time.

6. Can I modify the monthly rental payment amount if I have financial difficulties?
This is subject to Toyota Capital Malaysia's discretion and you are advised to discuss the matter with us as soon as possible. We will assist you to arrive at a viable solution.

7. Can I introduce a prospective buyer to buy the repossessed motor vehicle or goods?
Yes. Before the expiration of the 5th Schedule notice, you can introduce a buyer to buy the repossessed motor vehicle or goods at the price indicated in the 5th Schedule notice.

8. Can Toyota Capital Malaysia claim any amount from me after the repossessed motor vehicle or goods is sold?
Yes. If the proceeds from the sale of the repossessed motor vehicle or goods are not enough to cover your liabilities, Toyota Capital Malaysia can claim the amount outstanding from you.

9. Whom and where can I complain if I am not satisfied with the manner in which my motor vehicle or goods was repossessed?
You may lodge your complaint with Toyota Capital Malaysia. Customer Experience: +603 2727 8880; Fax : +603 7962 6076; Email: repo@toyotacapital.com.my

10. If I have defaulted on the monthly rental payments, can Toyota Capital Malaysia claim from the guarantor?
Yes. Toyota Capital Malaysia can claim the payment from the guarantor because the guarantor has agreed to undertake the liability to repay your debt in the event of your default.

11. What are the rights and responsibilities of a guarantor under the HP Act?
A guarantor has the following rights under AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB agreement: -
· To receive a copy of AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB agreement.
· To receive all notices on payment issued by Toyota Capital Malaysia to the hirer.
· To be discharged from liability once the amount due is fully paid.
· To take legal action against the hirer for breach of obligation.
· To be indemnified by the hirer against claims by Toyota Capital Malaysia after paying the amount due.

12. Do I still have to pay my monthly rental payments if my motor vehicle or goods is stolen?
Yes. Your liability to pay the monthly rental payment does not cease with the loss of your motor vehicle or goods.

13. What happens to AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB agreement in the event of the death of the hirer?
If the personal representative has obtained a Letter of Administration or Grant of Probate, the rights, title and profit will be transferred to the personal representative who will take over the responsibilities of the hirer. Otherwise, the Toyota Capital Malaysia has the right to repossess the motor vehicle or goods after defaults in four successive monthly rental payments.

14. How can I transfer/sell/part possession of the motor vehicle or goods to a third party even though the motor vehicle or goods is still financed under my name?
It is illegal to transfer/sell/part possession of the motor vehicle or goods without the Toyota Capital Malaysia's permission. If you do so, you may incur substantial penalties as you are still fully responsible for the liability and losses incurred. Also, under Section 38 of the HP Act, you may be liable to a fine of up to RM30,000 or imprisonment of up to three years, or both. Therefore, please ensure that you have fully settled your AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility before you sell your motor vehicle or goods. If you wish to use the proceeds of the sale to settle your AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB facility, get Toyota Capital Malaysia's consent to sell and arrange for the proceeds of the sale to be paid directly to Toyota Capital Malaysia. If there is any shortfall, you will be responsible for repaying the balance. If there is a surplus, it will be refunded to you by Toyota Capital Malaysia.

15. Can I remove the vehicle or goods to a location different from the one stated in AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB Agreement?
Yes, you can. However, you must inform Toyota Capital Malaysia the new location within 14 days from the day of the removal. Otherwise, you will be guilty of an offence under Section 37 (2) of the Hire Purchase Act. The maximum penalty that can be imposed may amount up to RM250,000 if the hirer is a company, and up to RM50,000 or imprisonment up to 5 years, or both, if the hirer is an individual.

CONFIDENTIAL

TOYOTA CAPITAL SERVICES

**HELAIAN MAKLUMAN PRODUK – AL IJARAH THUMMA AL BAI (AITAB)**
**(Sila baca Helaian Makluman Produk ini sebelum anda membuat keputusan untuk menggunakan kemudahan AITAB)**

### 1. Pengakuan Pelanggan

Saya mengakui bahawa saya telah membaca dan memahami kandungan Helaian Makluman Produk ini.
Sebarang perjanjian yang dilaksanakan adalah muktamad dan sebarang pindaan adalah tertakluk kepada persetujuan bersama oleh Pemilik dan Penyewa.

Tandatangan: ……………………………………………
Name:
NRIC No./ Syarikat No.:

### 2. Apakah produk ini?

**(a) AITAB**
Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan bermotor. Selepas kelulusan kemudahan tersebut, Perjanjian AITAB akan dibuat diantara anda sebagai Penyewa dan Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd (Toyota Capital Malaysia) sebagai Pemilik kenderaan bermotor.
Kadar keuntungan untuk kemudahan AITAB dikira berdasarkan kadar tetap sepanjang tempoh kemudahan tersebut. Tempoh maksimum kemudahan tersebut adalah 9 tahun sahaja.

**OR**

**(b) TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB**
Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan bermotor dengan pelan bayaran berperingkat, bermula dengan ansuran sewa bulanan yang lebih rendah dan meningkat secara beransur-ansur sepanjang tempoh pinjaman.
Selepas kelulusan kemudahan tersebut, Perjanjian TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB akan dibuat diantara anda sebagai Penyewa dan Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd (Toyota Capital Malaysia) sebagai Pemilik kenderaan bermotor.
Keuntungan untuk kemudahan TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB dikira berdasarkan kadar tetap sepanjang tempoh kemudahan tersebut. Tempoh maksimum kemudahan tersebut adalah 9 tahun sahaja.

**OR**

**(c) TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB**
Kemudahan ini diberikan kepada anda untuk membiayai sebahagian daripada pembelian kenderaan bermotor dengan pelan bayaran bermula dengan pembayaran bulanan yang lebih rendah dan pembayaran jumlah sekali gus pada bulan terakhir tempoh pinjaman. Terdapat beberapa pilihan untuk bayaran terakhir:
Pilihan 1: Bayar ansuran terakhir dan miliki kereta tersebut.
Pilihan 2: Trade-in dan nikmati memandu kereta baharu (tertakluk kepada keadaan kereta dan nilai pasaran semasa trade-in)
Pilihan 3: Bayar ansuran bulanan tambahan untuk mengurangkan ansuran terakhir
Pilihan 4: Hubungi kami untuk memahami lebih lanjut mengenai Program Bantuan Bayaran Balik TCAPM.
Selepas kelulusan kemudahan tersebut, Perjanjian TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB akan dibuat diantara anda sebagai Penyewa dan Toyota Capital Malaysia Sdn Bhd (Toyota Capital Malaysia) sebagai Pemilik kenderaan bermotor.
Keuntungan untuk kemudahan TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB dikira berdasarkan kadar tetap sepanjang tempoh kemudahan tersebut.
Tempoh maksimum kemudahan tersebut adalah 7 tahun sahaja.

### 3. Apakah kontrak Syariah yang berkenaan?

Kontrak Syariah yang berkenaan ialah Al-Ijarah Thumma Al-Bai’ (AITAB). AITAB ialah kontrak sewaan (Ijarah) diikuti dengan kontrak jualan (al Bai’). Di bawah kontrak sewaan, pelanggan menyewa aset tersebut dari Toyota Capital Malaysia pada pembayaran sewa yang dipersetujui dalam tempoh tertentu. Selepas tamat tempoh sewaan, pelanggan akan memasuki kontrak jualan untuk membeli aset tersebut dari Toyota Capital Malaysia pada harga yang dipersetujui.

### 4. Apakah yang saya dapat dari produk ini?

(a) Jumlah pembiayaan: RM ………………….
(b) Tempoh (tempoh pembayaran): …………………. months
(c) Caj bertempoh: -
Kadar tetap ………………….% setahun
Kadar peratusan tahunan …………………. setahun

### 5. Apakah tanggungjawab saya?

(a) Jumlah setiap ansuran sewa …………………. dan ansuran sewa terakhir sebanyak RM ………………….
(b) Jumlah yang kena dibayar ialah RM…………………..

Sebagai penyewa, anda wajib bayar ansuran sewa bulanan tepat pada masanya, memaklumkan Toyota Capital Malaysia (pemilik) tentang sebarang perubahan alamat & memastikan kenderaan tersebut sentiasa dilindungi insurans dengan secukupnya.

CONFIDENTIAL

**6. Apakah fi dan caj-caj yang perlu saya bayar?**

(sila imbas kod QR untuk melihat fi dan caj-caj)

**7. Bagaimana jika saya gagal memenuhi tanggungjawab saya?**

(a) Keuntungan atas sebarang ansuran sewa tertunggak pada 8% setahun (dalam kes caj bertempoh kadar tetap) akan dikenakan ke atas jumlah tunggakan. Keuntungan tersebut akan dikira setiap hari dari tarikh tamat tempoh sehingga satu hari sebelum tarikh pembayaran sebenar, pada mana-mana jumlah tertunggak yang perlu dibayar oleh Penyewa dan dikenakan ke akaun penyewa setiap bulan.

(b) Toyota Capital Malaysia akan menggunakan hak untuk mengambil semula kenderaan yang dibiayai jika anda gagal membayar dua ansuran sewa bulanan berturut-turut. Sila rujuk kepada proses pengambilan semula (item ke-10) untuk maklumat yang lebih terperinci. Semua kos yang ditanggung semasa pengambilan semula akan dikenakan ke Akaun AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB anda. Toyota Capital Malaysia akan melupuskan kenderaan itu apabila tamat tempoh yang dinyatakan dalam Notis Jadual Kelima (Notis kepada Penyewa di bawah Seksyen 16 Akta Sewa Beli 1967) di bawah perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB, dan menggunakan pendapatan daripada pelupusan kenderaan itu untuk menyelesaikan semua tunggakan jika tiada penebusan dilakukan dalam tempoh yang ditetapkan.

(c) Anda akan menanggung apa-apa kerugian selepas pelupusan kenderaan itu. Tindakan undang-undang boleh diambil terhadap anda untuk mendapatkan semula jumlah tunggakan pinjaman. Ini akan menjejaskan kedudukan kredit anda.

(d) Toyota Capital Malaysia mempunyai hak menolak sebarang baki kredit dalam akaun anda dengan Toyota Capital Malaysia terhadap jumlah baki tertunggak dalam akaun ini setelah notis diberikan tujuh (7) hari kalendar terlebih dahulu kepada anda.

**8. Adakah saya memerlukan perlindungan takaful?**

Anda dikehendaki mengambil perlindungan takaful komprehensif pada kenderaan yang dibiayai di bawah kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB, dan mengekalkan takaful tersebut sehingga kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB itu dibayar sepenuhnya. Jika anda mempunyai takaful yang sah tetapi cukai jalan yang telah tamat tempoh, syarikat takaful boleh membatalkan kelayakan anda dan kenderaan anda daripada mendapat perlindungan /pampasan yang berpunca daripada kemalangan kereta.

**9. Bagaimanakah saya boleh membayar ansuran sewa bulanan saya?**

Untuk kemudahan anda, anda dinasihatkan untuk membayar ansuran sewa bulanan anda melalui cara-cara berikut:-
Saluran pembayaran FPX melalui EZ Connect App, JomPAY (boleh menetapkan jadual pembayaran berulang), Maybank2U (M2U), CIMB Clicks dan BSN. Walau bagaimanapun, anda boleh juga membayar di mana-mana cawangan Toyota Capital Malaysia.

**10. Bagaimana tindakan pengambilan semula berlaku?**

(a) Pengambilan semula akan berlaku apabila terdapat: -
   i. Tiada pembayaran bagi 2 bayaran sewa bulanan berturut, ATAU
   ii. Kegagalan untuk membayar ansuran sewa terakhir, ATAU
   iii. Tiada pembayaran bagi 4 bayaran sewa bulanan berturut oleh waris jika penyewa telah meninggal dunia.

(b) Aturcara Pengambilan Semula
   i. Toyota Capital Malaysia akan mengeluarkan Notis Tentang Tujuan Mengambil Semula Milikan (Berdasarkan Seksyen 16 (1) Akta Sewa Beli. Notis ini selalunya dirujuk sebagai Notis Jadual Ke-4) yang memberi anda sebagai penyewa dalam tempoh 21 hari untuk membayar ansuran sewa tertunggak.
   ii. Jika tiada pembayaran dibuat dalam tempoh 14 hari selepas pengeluaran Notis Jadual Ke-4, notis mengikut Peraturan 15 di Peraturan-Peraturan Sewa Beli (Permohonan Permit dan Aturcara Pengambilan Semula Milikan) 2011 akan dikeluarkan, memaklumkan kepada anda tentang hasrat Toyota Capital Malaysia untuk mengambil semula kenderaan yang berkenaan selepas tamat tempoh Notis Jadual ke-4.
   iii. Selepas tamat tempoh yang diberikan, Toyota Capital Malaysia boleh memulakan tindakan pengambilan semula milikan dengan mengeluarkan Perintah Pengambilan Semula Milikan kepada Ejen Perolehan Semula yang diberi kuasa untuk mengambil milik kenderaan tersebut.

Walau bagaimanapun, bagi kes-kes di mana jumlah ansuran sewa yang dibayar melebihi 75% daripada harga tunai asal, Toyota Capital Malaysia akan mendapatkan Perintah Mahkamah terlebih dahulu sebelum melanjutkan dengan b) (i), (ii) dan (iii) di atas.

CONFIDENTIAL

(c) Tindakan Ejen Perolehan Semula
   i. Ejen Perolehan Semula yang diberi kuasa dan mempunyai permit yang dikeluarkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Kos Sara Hidup akan menjalankan pengambilan semula milikan kenderaan motor tersebut dengan membawa:-
      1) Perintah Pengambilan Semula Milikan yang dikeluarkan oleh Toyota Capital Malaysia
      2) Perintah Mahkamah (jika terpakai untuk mengambil semula milikan)
   ii. Apabila melaksanakan pengambilan semula milikan, Ejen Perolehan Semula mesti menyediakan dokumen di atas untuk membuat pemeriksaan dan pengesahan bersama-sama dengan Kad Pengenalan dan Permitnya.
   iii. Ejen Perolehan Semula mesti mematuhi garis panduan dan kod etika yang dikeluarkan oleh pihak berkuasa termasuk yang ditubuhkan oleh Persatuan Syarikat-Syarikat Sewa Beli Malaysia (AHPCM).

**11. Apakah pilihan yang tersedia untuk saya selepas pengambilan semula milikan?**

Selepas mengambil semula milikan, Toyota Capital Malaysia akan mengeluarkan notis Jadual ke-5 yang memberi anda 21 hari untuk melakukan salah satu daripada berikut:-

(a) Membayar semua jumlah yang tertunggak dan perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh pihak Toyota Capital Malaysia untuk mengambil semula milikan kenderaan (termasuk bayaran pengambil semula milikan, menarik kenderaan, menyimpan dan sebagainya), ATAU
(b) Membayar keseluruhan baki jumlah di dalam akaun, termasuk perbelanjaan berkaitan yang ditanggung oleh Toyota Capital Malaysia (seperti di atas), ATAU
(c) Memperkenalkan pembeli untuk membeli kenderaan atau barangan tersebut pada harga yang dinyatakan pada notis itu.

**12. Bagaimana jika saya gagal untuk memenuhi tempoh 21 hari pada Notis Jadual ke-5?**

Toyota Capital Malaysia boleh menjual/melupuskan kenderaan sama ada melalui lelongan awam atau jualan persendirian untuk mendapatkan semula jumlah berbaki di bawah Perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB. Pendapatan jualan akan digunakan untuk membayar baki terhutang di bawah perjanjian. Walau bagaimanapun, tanggungjawab anda masih diteruskan bagi apa-apa jumlah yang belum dijelaskan jika pendapatan jualan tidak mencukupi untuk menyelesaikan jumlah sepenuhnya. Sebaliknya, jika terdapat sebarang jumlah lebihan selepas penyelesaian penuh, ini akan dipulangkan kepada anda.

**13. Bagaimana jika saya menyelesaikan pinjaman sepenuhnya sebelum tamat tempoh?**

Anda berhak mendapat rebat ke atas keuntungan yang belum diterima oleh Toyota Capital Malaysia untuk penyelesaian awal. Rebat ialah bayaran balik sebahagian daripada caj terma yang dikira mengikut formula yang ditetapkan dalam Akta Sewa Beli.

Sebagai contoh, jika anda ingin menyelesaikan sepenuhnya pinjaman anda selepas membayar 48 ansuran sewa bulanan, anda akan mendapat rebat pada caj terma untuk baki 12 bulan (iaitu, 60 – 48 bulan = 12 bulan). Contoh pengiraan rebat adalah seperti berikut:-

Jumlah pembiayaan = RM50,000 pada kadar 3.0% setahun selama 5 tahun, Jumlah caj terma = RM7,500

$$\text{Rebat atas keuntungan} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\ldots n)}{(1+2+3+\ldots k)}$$

Di mana: n = baki tempoh pembayaran balik (dikira dalam bulan), iaitu 12 bulan
k = tempoh pembayaran balik asal (dikira dalam bulan), iaitu 60 bulan

$$\text{Jadi, rebat atas keuntungan} = \frac{\text{RM7,500} \times (1+2+3+\ldots+12)}{(1+2+3+\ldots 60)} = \frac{\text{RM7,500} \times 78}{1830} = \text{RM319.67}$$

**14. Apakah yang perlu saya lakukan jika terdapat perubahan pada butiran perhubungan saya?**

Adalah penting untuk anda memaklumkan kepada kami (secara bertulis dan e-mel kepada cs@toyotacapital.com.my) mengenai sebarang perubahan dalam butiran anda untuk memastikan semua surat-menyurat sampai kepada anda tepat pada masanya.

**15. Di mana saya boleh mendapatkan maklumat lanjut?**

Sekiranya anda memerlukan maklumat tambahan mengambil kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB, sila rujuk laman web https://www.toyotacapital.com.my/. Jika anda mempunyai sebarang pertanyaan, sila hubungi kami di: -
(Ibu Pejabat) Petaling Jaya
Lot 20.01, Level 20, Plaza IBM, First Avenue, Bandar Utama, 47800 Petaling Jaya, Selangor. Hubungan Pelanggan: +603 2727 8880; Faks : +603 7962 6076; E-mel: cs@toyotacapital.com.my

**SOALAN LAZIM**

1. Berapa banyak pembiayaan yang boleh saya pinjam dari Toyota Capital Malaysia?
Margin pembiayaan akan bergantung kepada kedudukan kredit anda dan tertakluk kepada maksimum 90% daripada harga beli atau lebih rendah yang ditetapkan oleh Toyota Capital Malaysia.

2. Apakah caj bertempoh untuk kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB?

CONFIDENTIAL

Caj bertempoh maksimum untuk kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB di bawah pembiayaan adalah 10% kadar tetap setahun.

3. Adakah saya memerlukan penjamin untuk kemudahan AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB saya?
Keperluan untuk penjamin bergantung kepada penilaian kredit yang dibuat oleh Toyota Capital Malaysia.

4. Apa yang perlu saya lakukan jika penjamin atau saya tidak mendapat salinan perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB 14 hari selepas menandatangani perjanjian?
Anda harus menghubungi pihak cawangan Toyota Capital Malaysia yang menguruskan pinjaman anda (cawangan asal) untuk mendapatkan salinan perjanjian.

5. Bolehkah Toyota Capital Malaysia bertegas untuk saya diinsuranskan dengan panel syarikat takaful mereka?
Apabila anda membeli kereta di bawah pelan pembiayaan automotif Toyota Capital Malaysia, anda telah dapat tahu pun macam mana untuk mengatur skim takaful anda pada masa yang sama.

6. Bolehkah saya menukar jumlah ansuran sewa bulanan jika saya mengalami masalah kewangan?
Ini tertakluk kepada budi bicara pihak Toyota Capital Malaysia. Anda dinasihatkan untuk membincang perkara itu dengan kami secepat mungkin. Kami akan membantu anda untuk mencari jalan penyelesaian.

7. Bolehkah saya memperkenalkan bakal pembeli untuk membeli kenderaan bermotor atau barangan yang telah diambil semula milikan?
Boleh. Sebelum tamat tempoh Notis Jadual ke-5, anda boleh memperkenalkan pembeli untuk membeli kenderaan bermotor atau barangan yang telah diambil semula milikan pada harga yang dinyatakan di dalam Notis Jadual ke-5.

8. Bolehkah Toyota Capital Malaysia menuntut apa-apa kos daripada saya selepas kenderaan atau barangan yang diambil semula milikan telah dijual?
Boleh. Sekiranya pendapatan daripada jualan kenderaan bermotor atau barangan yang diambil semula milikan tersebut tidak mencukupi untuk membayar keseluruhan jumlah hutang anda, Toyota Capital Malaysia boleh menuntut jumlah yang tidak mencukupi itu daripada anda.

9. Kemanakah saya boleh membuat aduan jika saya tidak berpuas hati dengan cara kenderaan yang saya sewa diambil semula milikan?
Anda boleh membuat aduan kepada Toyota Capital Malaysia. Khidmat Pelanggan: +603 2727 8880; Faks : +603 7962 6076; E-mel: repo@toyotacapital.com.my

10. Sekiranya saya gagal membayar ansuran sewa bulanan, bolehkah Toyota Capital Malaysia menuntut daripada penjamin?
Boleh. Toyota Capital Malaysia boleh menuntut bayaran daripada penjamin kerana penjamin telah bersetuju untuk mengambil alih liabiliti untuk membayar balik hutang anda sekiranya anda gagal membayar pinjaman anda.

11. Apakah hak-hak dan tanggungjawab penjamin di bawah Akta Sewa Beli?
Penjamin mempunyai hak-hak berikut di bawah perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB: -
· Untuk mendapat salinan perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB.
· Untuk menerima semua notis tentang pembayaran yang dikeluarkan oleh Toyota Capital Malaysia kepada penyewa.
· Untuk dilepaskan daripada liabiliti selepas jumlah yang perlu dibayar tersebut dibayar sepenuhnya.
· Untuk mengambil tindakan undang-undang terhadap penyewa kerana melanggar kewajipan.
· Untuk ditanggung kerugian oleh penyewa terhadap tuntutan oleh Toyota Capital Malaysia selepas membayar jumlah yang perlu dibayar.

12. Adakah saya masih perlu membayar ansuran sewa bulanan saya jika kenderaan bermotor atau barangan tersebut dicuri?
Ya, kewajipan anda untuk membayar bayaran sewa bulanan tidak berakhir dengan kehilangan kenderaan atau barangan anda.

13. Apa yang berlaku kepada perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB sekiranya berlaku kematian penyewa?
Setelah waris mendapatkan Surat Kuasa Mentadbir atau Pengurniaan Probet, hak milikan dan kepentingan akan berpindah kepada waris yang akan mengambil alih tanggung jawab penyewa. Jika tidak, Toyota Capital Malaysia mempunyai hak untuk mengambil semula milikan kenderaan bermotor atau barangan tersebut selepas berlaku kegagalan empat bulan pembayaran sewa.

14. Bagaimanakah saya boleh memindah milik/menjual/melupuskan milikan terhadap kenderaan bermotor atau barangan secara berturut kepada pihak ketiga walaupun kenderaan bermotor atau barangan masih dibiayai di atas nama saya?
Adalah menyalahi undang-undang untuk memindah milik/menjual/melupuskan milikan kenderaan atau barangan tanpa kebenaran Toyota Capital Malaysia. Jika anda melakukannya, anda boleh dikenakan denda yang besar kerana anda masih bertanggungjawab sepenuhnya terhadap liabiliti dan kerugiannya. Di bawah Seksyen 38 Akta Sewa Beli, anda boleh didenda sehingga RM30,000 atau penjara sehingga tiga tahun, atau kedua-duanya sekali. Oleh itu, sila pastikan bahawa anda telah

•• PROTECTED 関係者外秘

menyelesaikan sepenuhnya hutang anda sebelum anda menjual kenderaan bermotor atau barangan anda. Jika anda ingin menggunakan pendapatan jualan untuk menyelesaikan pinjaman anda, dapatkan persetujuan Toyota Capital Malaysia untuk menjual dan mengaturkan pendapatan jualan yang akan dibayar terus kepada Toyota Capital Malaysia. Jika terdapat sebarang kekurangan, anda mempunyai kewajipan untuk membayar jumlah baki. Jika terdapat lebihan, ia akan dipulangkan kepada anda oleh Toyota Capital Malaysia.

15. Bolehkah saya mengalihkan kenderaan atau barang ke lokasi yang selain dari yang dinyatakan dalam Perjanjian AITAB/TOYOTA EZ BELI PLAN AITAB/ TOYOTA EZ VALUE PLAN AITAB?
Boleh. Walau bagaimanapun, anda mesti memaklumkan kepada Toyota Capital Malaysia lokasi baru dalam tempoh 14 hari dari hari pengalihan. Jika tidak, anda akan melakukan kesalahan di bawah Seksyen 37 (2) Akta Sewa Beli. Denda maksimum yang boleh dikenakan boleh berjumlah sehingga RM250,000 jika penyewa adalah satu syarikat, dan sehingga RM50,000 atau penjara sehingga 5 tahun, atau kedua-duanya, jika penyewa adalah seorang individu.

CONFIDENTIAL